

TR: 1:11:64

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKA-  
AN KURSUS PENYELIA PELAJARAN DEWASA DI  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR  
PADA 2 NOVEMBER, 1964

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya sangatlah sukacita kerana dapat peluang berjumpa dengan Penyelia Pelajaran Dewasa dari semua negeri di Tanah Melayu ini yang berkumpul kerana kursus ulangkaji ini.

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sekalian maklum bahawa dengan adanya kursus seumpama ini dapatlah tuan puan mengkaji balik kemajuan yang telah dicapai semenjak rancangan ini dijalankan selama tiga tahun dahulu dan bersama-sama pula berunding dan memikirkan rancangan yang akan diusahakan seterusnya dan memperbaiki segala kelemahan-kelemahan jika ada.

Semenjak rancangan pelajaran dewasa ini dilancarkan oleh Kerajaan Perikatan maka tidaklah dapat dinafikan lagi akan faedah yang telah didapati oleh penduduk-penduduk luar bandar yang ikut belajar dikelas-kelas ini. Sebahagian daripada mereka telah terlepas daripada butahuruf dan dengan itu membolehkan mereka mengambil peranan yang lebih besar lagi dalam rancangan pembangunan luar bandar Kerajaan.

Sebagai Penyelia Pelajaran Dewasa saya faham bahawa tugas tuan puan memang berat kerana tuan puan terpaksa menjelajah ke serata ceruk kampung siang dan malam. Tetapi tugas-tugas berat ini akan menjadi ringan kalaulah kita ingatkan segala usaha ini adalah untuk kebaikan penduduk-penduduk dan masyarakat luar bandar seluruhnya.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa negara kita sekarang sedang di dalam darurat dalam menghadapi konfrantasi Indonesia. Walaupun kita terpaksa membelanjakan lebih banyak wang kerana pertahanan negara tetapi Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar mesti berjalan terus. Dalam keadaan negara menghadapi pencerobohan musuh-musuh luar dan dalam negeri maka tiap-tiap seorang daripada rakyat negara ini mestilah bertambah sedar akan tanggungjawab masing-masing dengan bersatu padu, bekerjasama dengan Kerajaan dan dengan semangat dan tekad yang kukuh berazam mempertahankan negara hingga ke saat yang akhir. Dan adalah menjadi satu daripada kewajipan Penyelia sekalian melalui pelajaran dewasa ini menyebarkan semangat perpaduan di kalangan rakyat di seluruh ceruk rantau tanahair.

Saya bolehlah memberi jaminan selagi Kerajaan Perikatan berkuasa dan keadaan mengizinkan pembangunan masyarakat dan pelajaran dewasa Insya Allah akan diteruskan.

Kita sudah berjalan selama tiga tahun dan pada akhir tahun ini sebahagian daripada pelajar-pelajar kita akan menamatkan pelajarannya dan sebahagian pula akan memasuki kelas-kelas baharu yang akan dibuka awal tahun depan ini. Kita mesti menentukan bahawa usaha ini tidak sia-sia dan mereka akan dapat buktikan faedah sepenuhnya daripada rancangan ini.

Penyelia-penyelia sekalian adalah diharapkan mesti lebih sedar akan tanggungjawab masing-masing sebagai pemimpin kecil di kampung khususnya dalam hal yang berkaitan dengan masyarakat. Dalam menjalankan peranan ini Penyelia-penyelia mustahaklah mendampingi diri dan bekerjasama dengan pihak yang berkenaan di daerah dan di kampung masing-masing seperti Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung dan Badan-badan Sukarela.

Dalam segala hal Penyelia hendaklah bertugas dengan penuh usaha, jujur dan ikhlas serta dengan perasaan mahu berkhidmat kepada masyarakat. Jaga dan lawatilah kelas masing-masing, pimpinlah guru-guru dan pelajar dengan baik bersungguh-sungguh.

Saya ucapkan selamat berkursus dan selamat bekerja.